

# Pailin ungguli Golf Alumni UMS 2015


► Mengatasi pencabar terdekat Jupili Salamat dengan kelebihan dua pukulan dalam kategori Gross

Oleh DESMOND QWEK

KOTA KINABALU: Pailin Jani beraksi cemerlang mencatat dua atas par untuk mengungguli Pertandingan Golf Amal Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2015 di Nexus Golf Resort Karambunai (NGRK) pada Sabtu.

Aksi 74 pukulan membolehkan Pailin menuju rai kategori Gross mengatasi pencabar terdekat Jupili Salamat dengan kelebihan dua pukulan sambil tempat ketiga disandang oleh Tadzul Radim dengan catatan 78 pukulan.

Kategori itu yang menyediakan lima hadiah menyaksikan pemenang tempat keempat dan kelima ditentukan melalui Kiraan Semula (OCB) selepas



TUN Juhar bin Datuk Mahiruddin (depan tengah) bersama tetamu kehormat dan para pemain merakamkan kenangan sebelum memulakan permainan Pertandingan Golf Amal Alumni UMS 2015 di Nexus Golf Resort Karambunai pada Sabtu.



J AIS (tiga kiri) bersama Ismail (dari kanan), Harun, Janathan, Jalaluddin dan Raffie selepas memenangi hadiah utama cabutan bertuah berupa sebuah motosikal Modenas-MR1.



DATUK Abu (kiri) menerima hadiah juara VIP daripada Datuk Ag Buhtamam.



SHAIFUL (kiri) menerima hadiah juara Nett daripada Dr. Shahril.

mencatat keputusan yang sama dengan 80 pukulan, yang mana masing-masing dimenangi oleh Ruslan Akik dan Abd Halikun Jun.

Untuk kategori Nett yang juga menyediakan lima hadiah, Shaiful Batong dengan aksi nett 69 pukulan muncul selaku juara mengatasi naib johan Abdul Hadi Hashim dengan kelebihan tips satu pukulan.

Tiga pemenang seterusnya untuk kategori itu juga terpaksa ditentukan melalui OCB selepas mencatat keputusan yang sama dengan nett 71 sebelum

menyaksikan tempat ketiga hingga kelima masing-masing dimenangi oleh Mohammad Azhar, Julaiman Soimin dan Haji Sukkuriya Masri.

Dalam persaingan kategori Wanita, Fauziah Abu Bakar Titingan muncul selaku juara dengan catatan nett 75 pukulan mengatasi naib johan Shim Yen Lin dengan kelebihan selesa tiga pukulan sambil tempat ketiga disandang oleh Dionysia Kibat dengan aksi nett 79 pukulan.

Kategori terakhir untuk Tetamu Kenamaan (VIP) menyaksikan Datuk Haji Abu Bakar Abbas muncul selaku juara selepas mencatat nett 69 pukulan mengatasi naib johan Datuk George Bandusena dengan kelebihan dua pukulan sambil tempat ketiga disandang oleh Datuk Ahmad Rahman



PAILIN (kiri) menerima hadiah juara Gross daripada Datuk Harun.

dengan aksi nett par golf.

Kejohanan julung kali anjuran Alumni UMS itu juga menyediakan enam hadiah novelti iaitu pukulan terjauh, pukulan terdekat dengan garisan dan empat pukulan terdekat dengan pindik kesemua lubang par tiga.

Pukulan terjauh dimenangi oleh Rosdi Akik dengan jarak 235 meter sambil pukulan terdekat dengan garisan dimenangi oleh Tadzul Radim dengan jarak tujuh inci.

Empat hadiah untuk pukulan

terdekat dengan pin, masing-masing dimenangi oleh Ralph Kamijan di lubang Ke-3 dengan jarak 4 kaki 8 inci, Jinot Tinggal di lubang Ke-5 dengan jarak 2 kaki 7 inci, Datuk Haji Abu Bakar Abass di lubang Ke-12 dengan jarak 3 kaki 2 inci dan Shaiful Batong di lubang Ke-16 dengan jarak 1 kaki 9 inci.

Kejohanan itu juga menyediakan hadiah Pukulan Selubang (HiO) berupa sebuah kereta Proton SAGA tajaan the W group tetapi tiada pemain

bertuah yang berjaya melakukannya.

Selain dari itu, pihak pengurusan juga menyediakan lebih 40 hadiah Cabutan Bertuah termasuk cabutan utama berupa sebuah motosikal Modenas-MR1 yang mana dimenangi oleh Jais Hadis.


"Pertandingan ini merupakan inisiatif pusat alumni dan pihak universiti dalam usaha untuk mengisi Tabung Dana Alumni yang bertujuan untuk membantu pelbagai aktiviti kebajikan dan pembangunan universiti."

"Pertandingan ini juga diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS yang Ke-17 yang akan berlangsung pada 21-23 November depan," jelas Pengarah Pusat Alumni UMS merangkap pengerusi pengajur bersama Mohd Raffie Haji Janau semasa berucap di majlis penutupan.

"Pihak universiti dan pengajur juga amat berbesar hati dan



FAUZIAH (kiri) menerima hadiah juara Wanita daripada Dr. Ismail.



TUN Juhar (dari kiri) memulakan permainan sambil disaksikan oleh Datuk Harun dan Datuk Jalaluddin.

berterima kasih kerana Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, yang juga selaku Canselor UMS sudi hadir bermain dan seterusnya memeriahkan lagi suasana pertandingan ini.

"Terima kasih juga kepada semua penaja korporat dan orang perseorangan, pihak NGRK, pihak universiti, ahli jawatankuasa yang telah berusaha keras serta orang perseorangan yang telah membantu untuk memastikan kejohanan ini berjalan dengan lancar," kata Raffie.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan bersama oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, Pesuruhjaya Polis Sabah; Datuk Jalaluddin Abdul Rahman, Pengarah Kastam Di-Raja Malaysia cawangan Sabah merangkap presiden Alumni UMS; Datuk Dr. Janathan Kandok, ahli Lembaga Pengarah UMS; Datuk Ag. Buhtamam Ag Mahmun, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr. Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) UMS Prof Madya Dr. Ismail Ali dan Mohd Raffie.